

BM - 3 SEP 1991

Wawasan 2020 milik rakyat: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Wawasan 2020 adalah wawasan rakyat untuk membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju dan bukan milik seorang saja, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menurutnya, beliau cuma menyuarakan apa yang difikirkan sebagai satu wawasan rakyat Malaysia ke arah kemajuan agar pelbagai pihak memberi perhatian serius untuk mtnjayakannya.

"Sama ada ini adalah wawasan saya ataupun wawasan Malaysia, terpulanglah kepada sesiapa membuat tafsiran.

"Pada pendapat saya, semua rakyat Malaysia inginkan kemajuan tetapi kalau seorang yang tidak ada tempat atau kedudukan untuk menyatakan hasrat dia, pandangan dia, wawasan dia, maka dia tidak akan diberi perhatian." katanya dalam rancangan Wawancara 'Bersama Perdana Menteri' terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selama satu jam, yang disiarkan malam ini.

Rancangan itu dipengerusikan oleh Fellow Kanan dan Ketua Pengarang Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis). Encik Rustam

A Sani. Ahli panel lain ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Malaysia Berhad, Encik Zainuddin Maidin dan Profesor Madya Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Ishak Shari.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, beliau cuma menyuarakan pandangan umum berdasarkan keyakinan bahawa semua rakyat Malaysia inginkan kemajuan, khususnya menjadikan Malaysia negara maju.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, jika pihak yang memimpin kerajaan ti-

dak menyuarakan hasrat rakyat itu, ia tidak akan menjadi sesuatu yang menarik tumpuan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan negara.

Mengenai kesinambungan kepemimpinan negara dalam menjayakan Wawasan 2020, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak sebarang masalah mengenai perkara itu kerana semua anggota Kabinet bersetuju dan faham mengenai cara menjayakan wawasan itu.

"Masing-masing tentu ada

UHAT MUKA 2

Mahathir yakin matlamat tidak ditukar

BR - 3 SEP 1991

DARI MUKA 1

stailnya tersendiri. Stall Tun-ku Abdul Rahman tidak **sama** dengan stall Tun Abdul Ra-zak...tetapi mengenai **matla-**mat, tidak **ada** masalah. Dan jentera untuk mencapai **mat-**lamat ini sudah disusun.

“Jadi, kalau sesiapa yang menjadi pengganti **saya men-**gambil alih, **saya yakin** (me-reka) akan berpegang kepada matlamat **ini** dan jentera **un-**tuk mencapai matlamat **ini** akan **diteruskan,**” katanya.

Menurutnya, beliau tidak **fi-**kir sesiapa yang mengambil alih akan menukar matlamat itu daripada tahun 2020 **kepa-**da 3000 atau daripada **menjadi** nsgara maju kepada negara mundur.

Sehubungan **itu,** katanya, beliau tidak bimbang kerana perkara itu mustahil berlaku serta keyakinan bahawa **se-**mula pihak dalam kerajaan **se-**karang mempunyai matlamat yang **sama.**

Dalam menghadapi **peruba-**han menjadi negara maju, **Da-**tuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan boleh merancang mulai sekarang dengan **kese-**daran bahawa pertumbuhan ekonomi dan kemajuan boleh membawa kepada masalah sosial.

“**Kita** dapat menyedarkan rakyat mengenai masalah **ini** dan **cara** mengelakkannya, kemungkinan **kita** tidak akan menghadapi masalah sosial yang **begitu** ketara seperti yang berlaku dalam **masyara-**kat **Barat** yang **mana** mereka sudah **hilang nilai** moral, su- dah tidak menaharagai **keke-**luargaan, **perkahwinan** dan lain-lain,” katanya.

Menurutnya, kerajaan yang menyedari kemungkinan **ber-**laku masalah **sosial** sudah mendefinisikan negara maju sebagai negara yang **berma-**ruah, **bermoral** tinggi, mempunyai nilai etika baik dan nilai lain yang boleh **me-**nentukan sesuatu masyarakat tidak lupa daratan.